

09 APR, 2025

Bekalan elektrik, internet dijangka pulih Jumaat ini



Berita Harian, Malaysia



Bekalan elektrik, internet dijangka pulih Jumaat ini

Subang Jaya: Bekalan elektrik dan internet di kawasan kediaman yang terjejas akibat kebakaran dan letusan paip gas di Putra Heights, dekat sini, dijangka pulih sepenuhnya Jumaat ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Izham Hashim, berkata kerja penyelarasan memulihkan bekalan elektrik dan internet sedang dilaksanakan dan akan pulih secepat mungkin.

Beliau berkata, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedang memulihkan bekalan elektrik di semua kediaman yang terjejas, termasuk di kampung, namun suis utama akan dicabut sehingga pemilik kediaman datang untuk membuat pemeriksaan.

“Cuma tinggal sedikit lagi kediaman yang belum dipulihkan bekalan elektrik kerana pemilik rumah belum pulang bagi membuat pemeriksaan.

“Bekalan elektrik ini hanya disambung ke rumah yang selamat diduduki, namun suis utama akan dicabut dahulu sehinggalah pemilik rumah pulang,” katanya pada sidang media, di Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) insiden letusan paip gas di Putra Heights, di sini, semalam.

Izham berkata, pihak Telekom Malaysia (TM) juga memaklumkan menjelang Jumaat ini perkhidmatan internet UniFi juga akan kembali pulih semuanya.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya sedang berbincang dengan PETRONAS bagi usaha meminimumkan kesan kejadi-

‘‘Cuma tinggal sedikit lagi kediaman yang belum dipulihkan bekalan elektrik kerana pemilik rumah belum pulang bagi membuat pemeriksaan’’

Izham Hashim,
Pengerusi
Jawatankuasa
Tetap Infrastruktur
dan Pertanian
Selangor



an berkenaan terhadap 8,000 unit kediaman dan komersial yang terjejas akibat gangguan bekalan gas susulan kejadian berkenaan.

Beliau berkata, empat stesen jana kuasa turut terjejas akibat gangguan bekalan gas, iaitu Stesen Janakuasa Connaught Bridge, Stesen Janakuasa Pulau Indah, Stesen Janakuasa Sultan Salahuddin Abdul Aziz (KEV) di Kapar dan Stesen Janakuasa Putrajaya.

“Perbincangan sudah dijalankan bersama Gas Malaysia dan PETRONAS bagi mencari cara untuk mengurangkan impak gangguan gas ini.

“Kita bersedia untuk buat penambahbaikan berdasarkan kepada insiden ini dan juga kajian bagi membuat penambahbaikan supaya jangan berulang lagi,” katanya.